

**UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI  
DALAM ISTIADAT MENGADAP PADA 1HB  
JUN, 1960**

Mengadap ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultan Hisamuddin Alam Shah Ibni Almarhum Sultan Alaidin Sulaiman Shah, Yang Di Pertuan Agung Persekutuan Tanah Melayu.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,

Pada hari dan saat yang bertuah lagi berbahagia ini patek bagi pihak yang Teramat Mulia Tengku Perdana Menteri dan diri patek sendiri, bagi pihak Kerajaan serta rakyat jelata Persekutuan Tanah Melayu dengan beberapa hormat takzim dan dengan perasaan yang penuh taat setia menyembahkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan Seri Paduka Adinda Raja Permaisuri Agung. Patek sekalian berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wataala mudah-mudahan dilanjutkan usia zaman ke bawah Duli Tuanku serta Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Adinda Raja Permaisuri Agung dalam sihat walafiat kekal memerintah di atas Singgahsana takhta kerajaan dengan bertambah-tambah daulat dan kemuliaan.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,

Sesungguhnya patek pacal-pacal sangatlah sukacita atas lantikan Duli Yang Maha Mulia Tuanku sebagai Yang Di Pertuan Agung kerana patek sedia maklum yang ke bawah Duli Tuanku ialah seorang Raja yang mempunyai sifat tulus ikhlas serta sangat mengambil berat di atas kebajikan dan kemajuan penduduk-penduduk Negara ini terutama sekali dalam perusahaannya di kampung-kampung.

Patek serta semua Menteri-menteri Kerajaan berasa sangat sukacita oleh kerana pada tahun yang pertama ke bawah Duli Tuanku bersemayam di atas takhta Kerajaan telah berlaku suatu peristiwa yang bersejarah di Negara ini iaitu Kerajaan telah berjaya menewaskan pengganas-pengganas komunis<sup>2</sup> yang telah

**1 D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung yang ke 2**

**2 Tamat darurat 1960**

merosakkan keamanan Negara ini selama dua belas tahun. Dalam masa yang panjang itu hamba rakyat Tuanku telah menanggung beberapa azab dan sengsara dan kemenangan ini akan memberi harapan dan semangat yang baharu kepada rakyat bagi mempertahankan Negara ini supaya keadaan-keadaan yang seperti itu tiada akan berlaku lagi. Maka tercapainya kemenangan ini ialah kerana Duli Yang Maha Mulia Tuanku sendiri telah bersama-sama berazam dan menghadapi segala kesusahan-kesusahan yang telah ditempo oleh hamba-hamba rakyat Tuanku itu. .

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,

Tambahan pula patek pacal-pacal amatlah sukacita oleh kerana ke bawah Duli Tuanku bersemayam di atas Takhta Kerajaan pada ketika Kerajaan Persekutuan sedang menjalankan rancangan-rancangan kemajuan Negara terutama sekali kemajuan-kemajuan di luar bandar dengan menumpukan sepenuh-sempenuh tenaga dan Kerajaan bercadang hendak mengistiharkan rancangan kemajuan lima tahun yang kedua tiada berapa lama lagi. Patek dan pacal-pacal sekalian yakin dan percaya bahawa dengan adanya rancangan-rancangan ini dapatlah Persekutuan Tanah Melayu dan rakyatnya sekalian memperolehi kemajuan, keamanan dan kemakmoran yang tiada tolok bandingnya dalam sejarah Negara ini. Dan lagi dengan sifat ke bawah Duli Tuanku yang sangat mengambil berat atas hal-hal kemajuan Negeri dan dengan berkat daulat Tuanku serta naongan dan anjuran Tuanku patek pacal-pacal percaya rancangan-rancangan yang tersebut itu dapat dilaksanakan dengan sepenuh-sempenuh kejayaan.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,

Demikianlah patek sembahkan dan sekali lagi patek bagi pihak Kerajaan dan rakyat jelata Persekutuan Tanah Melayu berdoa ke hadrat Tuhan Rabbul'alamin mudah-mudahan dilanjutkan usia zaman ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Adinda Raja Permaisuri Agung dan dianugerahinya selamat sejahtera dan aman sentosa selamanya.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patek harap di-ampun.